

16 OCT 1996
Moggie-Rebat
TENAGA BAYAR REBAT BERJUMLAH 10 PERATUS

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan membayar rebat berjumlah 10 peratus kepada pengguna yang terlibat dengan gangguan bekalan seluruh Semenanjung Malaysia pada 3 Ogos lepas, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie mengumumkan hari ini.

Kos yang akan ditanggung oleh TNB ialah RM70 juta, kata beliau selepas mesyuarat mingguan kabinet hari ini yang meluluskan kadar yang dicadangkan oleh TNB itu.

Sebanyak 4.2 juta pengguna akan menikmati potongan 5 peratus dalam bil Disember 1996 dan 5 peratus lagi dalam bil Januari 1997.

Moggie berkata rebat itu tidak harus disalah ertikan sebagai satu pampasan kerana ia sekadar bayaran "sekali saja" kepada mereka yang terlibat dengan gangguan itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang ditanya mengenai perkara itu sebelum itu, berkata keputusan kerajaan itu bagaimanapun tidak boleh dijadikan satu contoh ikutan pada masa depan.

"Kita akui mana-mana di dunia tak ada tanggungan oleh (syarikat) public utility terhadap kejadian sedemikian. Tetapi kerajaan ada pendirian yang berbeza sedikit," kata Perdana Menteri ketika ditemui di bangunan Parlimen semasa beliau menghadiri persidangan Dewan Rakyat.

Moggie pula menjelaskan bahawa hanya pengguna yang berdaftar dengan TNB pada 3 Ogos layak mendapatkan potongan itu.

"Bayaran saguhati ini tidak boleh ditakrif sebagai pengakuan TNB," katanya.

Moggie berkata bayaran itu hanyalah untuk kejadian pada 3 Ogos lepas dan tidak harus dijadikan contoh untuk sebarang kejadian seumpamanya di masa depan atau yang lampau.

Beliau berkata syarikat seperti TNB di negara-negara lain tidak membuat bayaran sedemikian apabila gangguan berlaku, dan sebagai contoh menyebut mengenai kejadian yang serupa di Amerika Syarikat sekitar 3 Ogos juga.

"TNB akan hanya membayar pampasan jika terbukti di mahkamah bahawa gangguan pada 3 Ogos itu disebabkan oleh kecuaiian," katanya.

Ketika ditanya kenapa rebat 10 peratus itu dibahagikan kepada dua bulan, Moggie berkata jika rebat itu diberi untuk sebulan, ia akan menjejaskan kewangan TNB.

Gangguan selama 12 jam bermula pada petang 3 Ogos itu berpunca daripada komponen yang rosak di stesen janakuasa Paka di Terengganu.

Ia mengakibatkan kesesakan lalulintas yang teruk di seluruh Semenanjung selain menjejaskan operasi kilang dan perniagaan. -- BERNAMA

ZUL MAI